

1 Pengenalan

PENGENALAN

Sumber maklumat elektronik telah mula ditawarkan oleh Perpustakaan akademik di Malaysia semenjak tahun 80-an dengan penawaran Katalog Atas Talian yang boleh diakses melalui komputer dan ditempatkan di lokasi strategik Perpustakaan. Komputer mini ini telah mengalih tumpuan pengguna terhadap ribuan kad katalog yang ditempatkan di dalam laci-laci kabinet kad katalog yang kebiasaannya dibuat daripada kayu. Pembangunan katalog atas talian dimangkin oleh penghasilan *Machine Readable Cataloguing* atau MARC pada tahun 1960. Perpustakaan di Malaysia seterusnya menikmati penciptaan komputer mikro yang digunakan untuk menawarkan pangkalan data bibliografik dalam format cakera padat atau CD-ROM. Pengguna perpustakaan pada masa itu menikmati akses kepada teks penuh bagi pangkalan data bibliografik seperti *ERIC*, *AGRIS*, *AGRICOLA* dan kemudiannya pangkalan data teks penuh *ABI/INFORM*.

Sumber maklumat elektronik melalui *hypertext* Internet mula ditawarkan kepada pengguna melalui kaedah *dial-up* menggunakan modem telefon. Namun begitu, proses pengesanan dan perolehan maklumat perlu dijalankan secara terancang dan teliti iaitu para pustakawan memainkan peranan menentukan terlebih dahulu strategi pencarian yang perlu dilakukan. Pengalaman ini saya perolehi ketika bertugas sebagai Pustakawan Rujukan di Perpustakaan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang dahulunya dikenali sebagai Universiti Pertanian Malaysia. Kaedah ini dilaksanakan untuk mencapai penjimatan kos capaian kepada Internet memandangkan aktiviti rujuk lewa atau *browsing* boleh meningkatkan kos talian telefon.

Penghasilan *World Wide Web* (WWW) oleh Tim Berners-Lee pada tahun 1990 membawa perpustakaan meneroka lebih banyak peluang dan cabaran dalam memenuhi keperluan maklumat pengguna perpustakaan akademik. Keperluan menempatkan komputer untuk akses Internet semakin mendesak dengan perluasan capaian kepada Internet dan penghasilan enjin pencari Internet iaitu *Yahoo* yang mula mendapat tempat dalam proses pengesanan dan perolehan maklumat. Capaian kepada sumber maklumat elektronik seperti *ABI/INFORM Global*, *EBSCOHost*, *ERIC* dan banyak lagi mula ditawarkan kepada para pengguna Perpustakaan.

Beralih daripada pangkalan data agregat, Perpustakaan mula meneroka aspek penyediaan akses kepada perkhidmatan atas talian penerbit. Kajian literatur menunjukkan bahawa buku elektronik pertama telah dihasilkan semenjak tahun 1971 melalui pelaksanaan Projek Gutenberg di *University of Illinois*. Pada tahun 2000, buku elektronik bertajuk *International Dictionary Unabridged* yang diterbitkan oleh Merriam Webster Inc. telah diterbitkan dalam format CD-ROM. Di Malaysia, pangkalan data buku elektronik (e-buku) seperti *Safari*, *24 x 7* dan *Ebrary* telah mula mengisi koleksi digital Perpustakaan.